

KERATAN AKHBAR

JUDUL : BERNAMA

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

Berita ringkas Bernama: 28 Okt



MOTAC PERUNTUK 88,500 BAUCAR DISKAUN KEPADA 167 KEDAI BUKU

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memperuntukkan sebanyak RM885,000 untuk 88,500 baucar diskaun pembelian buku dalam usaha merancakkan semula industri perbukuan negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata baucar bernilai RM10 setiap satu itu diedarkan ke 167 kedai buku terpilih dan satu kedai buku dalam talian di bawah seliaan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (eng: Malaysian Book Publishers Association) sejak 21 Okt lepas hingga 15 Nov.

Beliau berkata baucar buku tersebut boleh ditebus oleh sesiapa sahaja selagi masih ada dengan syarat perbelanjaan minimum RM20 ke atas dalam satu resit transaksi.

"Kedai-kedai terpilih merupakan pengusaha kecil dan sederhana yang perlu dibantu agar perniagaan mereka kembali rancak," katanya ketika Majlis Penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca di Perpustakaan Negara Malaysia di sini hari ini.